

UM 8 SEP 1987

DAKWAAN RAMAI ORANG MELAYU KELUAR ISLAM BOLEH CETUSKAN RUSUHAN KAUM & MAHATHIR

KUANTAN 7 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mahamad berkata, dakwaan yang menyatakan ramai orang Melayu keluar Islam boleh mencetuskan perpecahan dan rusuhan kaum di negara ini. "Isu mengenai perkara ini sangat sensitif kerana ia boleh mewujudkan suasana tidak harmoni hingga mengakibatkan perpecahan dan kemungkinan tercetusnya

rusuhan antara kaum," kata Perdana Menteri. Beliau menyatakan perkara itu ketika diminta mengulas dakwaan Yang Dipertua Agung PAS, Haji Yusuf Rawa yang mengatakan terdapat kira-kira 66,000 orang Melayu di negara ini keluar Islam. "Saya hendak berjumpa sendiri dengan orang-orang Melayu yang didakwa keluar Islam dan memeluk agama lain bagi memastikan kebenaran mengenai perkara tersebut," ujarnya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

"Apakah mungkin golongan yang didakwa keluar Islam berjumlah kira-kira 66,000 orang itu terdiri dari golongan mereka yang tidak kelihatan atau meresap kerana ramai yang tidak mengetahuinya," jelas beliau.

Perdana Menteri menyatakan, beliau telah meminta pihak polis mencari golongan orang Melayu yang didakwa keluar Islam itu bagi mengetahui kedudukan sebenar.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, "yang banyak berlaku orang-orang agama lain termasuk Kristian memeluk Islam untuk berkahwin dan bila bercerai mereka kembali kepada agama asalanya."

Sementara itu, di Temerloh, Naib Yang Dipertua PAS, Haji Hadi Awang berkata, Haji Yusuf Rawa mempunyai cukup bukti sebelum membuat dakwaan lebih 60,000 orang Melayu di negara ini sekarang telah meninggalkan Islam. Menurutnya, kenyataan oleh pemimpin PAS itu bukanlah sekadar satu momokan, sebaliknya berdasarkan bukti kukuh hasil kajian rapi yang telah dijalankan.

"Oleh itu, UMNO tidak seharusnya melenting dan tidak mahu menerima dakwaan tersebut kerana ia berdasarkan angka yang jelas," ujarnya ketika berucap menutup perhimpunan ijtimak ke arah tajdid hadad hari anjuran PAS Pahang di markas PAS, Sungai Jaun, dekat sini malam tadi.